

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Wednesday, November 29, 2017 8:11 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Staf - Pesara UUM
Subject: Bakal Peguam Harus Bersuara Perjuang Isu Pemeliharaan Alam Sekitar



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia



29 NOVEMBER 2017 / 10 RABIULAWAL 1439H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Mohd Amir Aizat Sainon
Gambar oleh: Hairul Nizam Zahari

BAKAL PEGUAM HARUS BERSUARA PERJUANG ISU PEMELIHARAAN ALAM SEKITAR



UUM ONLINE: Ketamakan syarikat-syarikat dan kilang-kilang mengejar kekayaan tanpa mempedulikan alam sekitar menyebabkan berlaku kerosakan dan bencana alam yang meragut nyawa penduduk tidak berdosa.

Tidak cukup dengan kerosakan yang dilakukan, mereka menyalahkan bencana yang menimpa itu sebagai balasan atau kemarahan dari Tuhan.

Hakim Besar Sabah & Sarawak, Yang Amat Arif Tan Sri Datuk Seri Panglima Richard Malanjum berkata alasan itu tidak dapat diterima dari sudut undang-undang dan merupakan senjata bagi pihak berkenaan untuk meletakkan kesalahan kepada pihak lain.

"Penebangan hutan, penggondolan bukit-bukau, pembalakan dan pencemaran yang dilakukan pihak-pihak tertentu secara berleluasa jelas sekali menyebabkan kerosakan kepada alam sekitar lalu menyebabkan bencana alam seperti banjir, tanah runtuh, pencemaran sungai dan sebagainya.

"Walaupun ada sesetengah kepercayaan masyarakat setempat mengaitkan bencana berkenaan terjadi kerana Tuhan ingin menghukum mereka yang tidak menghormati atau melanggar pantang larang kawasan-kawaaan tersebut, namun alasan tersebut tidak diterima dari segi perundangan.

"Ia hanyalah senjata pihak-pihak tertentu untuk lepas tangan daripada kerosakan yang mereka telah

lakukan," ujarnya pada syarahan Profesor Adjung bertajuk "Natural Disaster or Wrath of God: Legal Perspective of Environmental Protection In Malaysia," anjuran Pusat Pengajian Undang-Undang (SoL) di Dewan Seminar A, Kompleks Konvensyen.

Beliau menambah keadaan tersebut berlaku kerana pelaksanaan undang-undang berkaitan alam sekitar yang sedia wujud tidak dikuatkuasakan seperti yang diharapkan selain kekurangan minat mahasiswa undang-undang untuk bergiat dalam litigasi kepentingan awam.

"Undang-undang berkaitan perlindungan alam sekitar memang wujud seperti Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, Akta Perhutanan dan Akta Perikanan namun penguatkuasaan ke atas undang-undang tersebut tidak dilaksanakan sepenuhnya.

"Sehubungan itu adalah menjadi tanggungjawab anda bakal-bakal peguam untuk bersuara dan menimbulkan kesedaran awam tentang hak orang awam dari segi undang-undang untuk menikmati persekitaran yang bersih dan selamat," tambahnya.

Syarahan itu dihadiri lebih 500 mahasiswa dan pensyarah UUM.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.